

Jangan layan istimewa

KUALA LUMPUR, Sabtu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, meminta Jepun jangan memberi layanan istimewa kepada rakyat Malaysia yang dihantar ke negara itu, tetapi hendaklah dilayan sebagaimana rakyat Jepun juga.

Katanya, Malaysia tidak mengharapkan pelajar dan pelatihnya dilayan berlebih-lebihan.

"Kami mahu mereka mendapat layanan sama. Dengan cara ini kami dapat mempelajari dari Jepun," kata Perdana Menteri dalam perbincangannya dengan Menteri Luar Negara itu, Enik Yoshio Sakurauchi.

Setiausaha Bendah bagi hal-ehwal Politik Wisma Putra, Enik Emam Haniff, berkata Datuk Seri Dr. Mahathir juga menyatakan bahawa rakyat Malaysia tidak harus dipen-

cilkan dari masyarakat Jepun.

Perdana Menteri mahukan rakyat Malaysia menerima negara itu sebagai rumah mereka sendiri dengan penuh hati dan ini membolehkan mereka mempelajari cara hidup dan etika bekerja rakyat Jepun.

Sekiranya rakyat Malaysia terpen-cil mereka tidak dapat belajar dengan jaya.

Perdana Menteri juga memberitahu Menteri Luar itu bahawa ekonomi negara ini tidak begitu menggalakkan disebabkan kemelesetan ekonomi dunia dan harga barangan yang rendah.

Bagaimanapun, jelasnya, walaupun Malaysia menghadapi kekurangan tabungannya tetapi projek-projek kepentingan rakyat diteruskan.